



DASAR PRIVASI TAMBAHAN SABATIKAL ANTARTIKA

Kali Terakhir Dikemas Kini: 24 September 2019

Dasar Privasi Tambahan Sabatikal Antartika ("Dasar Privasi Tambahan") ini menerangkan cara kami mengumpul, menggunakan, memproses dan mendedahkan data peribadi anda, yang diserahkan dan dikutip melalui <http://airbnb.com/sabbatical> ("Laman") atau diberikan oleh anda sebagai sebahagian daripada Permohonan anda kepada Pemilihan untuk Sabatikal Antartika. Ia melengkapi [Dasar Privasi](#) Airbnb, yang juga terpakai kepada penggunaan dan lawatan anda ke Laman ini. Jika kami menjadikan terjemahan Dasar Privasi Tambahan ini tersedia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sekiranya berlaku sebarang percanggahan.

Sila baca terma Dasar Privasi Airbnb dengan teliti.

Sebarang terma berhuruf besar yang tidak ditakrifkan dalam Dasar Privasi Tambahan ini mempunyai definisi yang sama seperti yang diberikan dalam [Terma Pemilihan](#), [Dasar Privasi](#) Airbnb, dan [Terma Perkhidmatan](#) Airbnb.

Disebabkan oleh sifat fizikal Sabatikal Antartika yang teruk, Calon Yang Ditemu Duga akan dikehendaki untuk mengemukakan data peribadi tertentu untuk mengesahkan kelayakan mereka untuk dipilih sebagai Peserta. Data peribadi tambahan ini diperlukan oleh Logistik & Ekspedisi Antartika ("ALE") sebagai sebahagian daripada keselamatan dan usaha wajar perjalanan mereka. ALE adalah pembekal bahagian perjalanan yang berpangkalan di Antartika, merupakan pengawal tunggal data tersebut, dan akan memproses data peribadi anda mengikut [kenyataan privasi](#) ALE. Calon Yang Ditemu Duga mungkin perlu mengesahkan persetujuan mereka untuk pemprosesan sedemikian oleh ALE secara bertulis untuk dibawa ke peringkat seterusnya dalam Pemilihan. Airbnb tidak akan diberikan sebarang akses kepada data peribadi ini

1. MAKLUMAT YANG KAMI KUMPUL

Kami mengumpul maklumat yang anda serahkan dalam borang Permohonan anda, serta maklumat yang anda berikan kepada kami semasa mana-mana peringkat susulan dalam Pemilihan (cth. penyaringan, temuduga). Pemprosesan maklumat ini diperlukan untuk anda menyertai Pemilihan dan perlu untuk pelaksanaan kewajipan kami yang sebaiknya di bawah Terma Pemilihan.

Apabila anda menggunakan Laman ini, kami mengumpul maklumat secara automatik, termasuk data peribadi tentang perkhidmatan yang anda gunakan dan cara anda menggunakannya. Maklumat lanjut tersedia dalam [Dasar Privasi](#) Airbnb.

2. CARA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT YANG KAMI KUMPUL

Kami akan menggunakan maklumat yang kami kumpulkan untuk pelaksanaan kontrak yang sebaiknya antara anda dan kami (iaitu Terma Pemilihan).

Jika anda dipilih sebagai Peserta dalam Sabatikal, kami boleh menggunakan dan memproses data peribadi anda untuk mengumumkan secara terbuka bahawa anda telah dipilih. Maklumat ini akan diproses berdasarkan kepentingan sah kami dalam mengumumkan Peserta kepada Sabatikal.

Untuk maklumat lanjut tentang cara kami menggunakan data peribadi yang kami kumpulkan, sila lihat [Dasar Privasi](#) Airbnb.

3. PERKONGSIAN & PENDEDAHAN

Kami berkongsi dan mendedahkan maklumat, termasuk Permohonan dan data peribadi anda yang berkaitan, dengan ahli Jawatankuasa Pemilihan untuk membolehkan mereka memenuhi peranan mereka dalam Pemilihan.

Kami mungkin menggunakan pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk membantu kami menguruskan Pemilihan. Pembekal ini mempunyai akses terhadap kepada data peribadi anda, seperti yang diperlukan untuk melaksanakan tugas bagi pihak kami, dan terikat mengikut kontrak untuk melindunginya dan menggunakannya hanya untuk tujuan ia didedahkan kepada mereka dan mengikut undang-undang privasi yang berkenaan.

Pembekal perkhidmatan kami mungkin berada di dalam atau di luar Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA"). Undang-undang di negara-negara ini mungkin berbeza daripada undang-undang yang terpakai di Negara/Wilayah Tempat Tinggal anda. Contohnya, data peribadi yang dikumpulkan dalam EEA boleh dipindahkan, disimpan dan diproses di luar EEA untuk tujuan yang diterangkan dalam Dasar Privasi Tambahan ini. Di tempat kami memindahkan, menyimpan dan memproses data peribadi anda yang berada di luar EEA, kami telah memastikan bahawa perlindungan yang sesuai ada di situ untuk memastikan tahap perlindungan data yang sebaiknya. Kami akan memberikan maklumat lanjut tentang cara yang digunakan untuk memastikan tahap perlindungan data yang sebaiknya atas permintaan. Untuk maklumat lanjut tentang penggunaan pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan pemindahan antarabangsa kami, sila lihat [Dasar Privasi](#) Airbnb.

4. HAK ANDA

Anda boleh melaksanakan mana-mana hak yang diterangkan dalam bahagian ini berkenaan dengan Permohonan anda, dengan menghantar e-mel kepada sabbatical@airbnb.com.



Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin meminta anda mengesahkan identiti anda sebelum mengambil tindakan lanjut terhadap permintaan anda.

Pembetulan Data Peribadi Tidak Tepat atau Tidak Lengkap

Anda berhak untuk meminta kami membetulkan data peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap tentang anda.

Akses dan Kemudahan Data

Dalam sesetengah bidang kuasa, undang-undang yang berkenaan mungkin membenarkan anda memohon salinan data peribadi anda yang dipegang oleh kami. Anda juga berhak untuk memohon salinan data peribadi yang anda telah berikan kepada kami dalam format yang berstruktur, lazim digunakan dan boleh dibaca oleh mesin dan/atau meminta kami menghantar data peribadi ini kepada pembekal perkhidmatan lain (jika boleh dilakukan secara teknikal).

Pengekalan dan Pemadaman Data

Kami akan mengekalkan data peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk Pemilihan, mengikut undang-undang yang berkenaan. Melainkan anda dipilih sebagai Peserta atau Peserta Simpanan, kami akan menghapuskan semua data peribadi tentang anda dengan segera selepas penutupan Pemilihan, yang akan dilakukan pada bulan Oktober 2019, tertakluk kepada sebarang kelewatan dalam Pemilihan. Jika selepas hari anda menghantar borang Permohonan melalui Laman ini, anda tidak lagi mahu kami memproses data peribadi anda, anda boleh meminta kami memadamkannya dengan menghantar e-mel yang menunjukkan permohonan ini kepada sabbatical@airbnb.com dengan jelas.

Harap maklum bahawa jika anda meminta pemadaman data peribadi anda:

- anda tidak akan layak untuk mengambil bahagian dalam Pemilihan atau Sabatikal;
- kami boleh mengekalkan dan menggunakan data peribadi anda setakat yang diperlukan untuk mematuhi kewajipan undang-undang yang berkenaan; dan
- untuk mengekalkan Laman ini dan melindunginya daripada kehilangan dan kemusnahan yang tidak disengajakan atau berniat jahat, baki salinan data peribadi anda yang diserahkan sebagai sebahagian daripada Permohonan mungkin tidak akan dibuang daripada sistem sandaran kami untuk tempoh yang terhad.

Sekatan Pemrosesan

Dalam sesetengah bidang kuasa, undang-undang yang berkenaan mungkin memberi anda hak untuk menghadkan cara kami menggunakan data peribadi anda, khususnya di mana: (i) anda mempertikaikan ketepatan data peribadi anda; (ii) pemrosesan menyalahi undang-undang dan anda menentang pemadaman data peribadi anda; (iii) kami tidak lagi memerlukan data peribadi anda untuk tujuan pemrosesan, tetapi anda memerlukan data peribadi untuk membuat, melaksanakan atau mempertahankan tuntutan undang-undang; atau (iv) anda telah membantah pemrosesan dan pengesahan sama ada alasan kami yang sah mengatasi alasan anda masih belum selesai.

Bantahan terhadap Pemrosesan

Dalam sesetengah bidang kuasa, undang-undang yang berkenaan mungkin membenarkan anda melarang kami daripada memproses data peribadi anda untuk tujuan khusus tertentu (termasuk jenis pemprofilan tertentu) di mana pemrosesan sedemikian dibuat berdasarkan kepentingan yang sah. Jika anda membantah pemrosesan sedemikian kami tidak lagi akan memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan ini melainkan kami boleh menunjukkan alasan yang mendesak dan sah untuk pemrosesan sedemikian atau pemrosesan sedemikian diperlukan untuk membuat, melaksanakan atau mempertahankan tuntutan undang-undang.

Membuat Aduan

Anda berhak untuk membuat aduan tentang aktiviti pemrosesan data yang dijalankan oleh kami kepada pihak berkuasa perlindungan data yang kompeten.

5. PERUBAHAN KEPADA DASAR PRIVASI TAMBAHAN INI

Kami berhak mengubah suai Dasar Privasi Tambahan ini pada bila-bila masa mengikut peruntukan ini. Jika kami membuat perubahan, kami akan menyiarkan Dasar Privasi Tambahan yang telah disemak di Laman dan mengemas kini tarikh "Kali Terakhir Dikemas Kini" di bahagian atas. Dasar Privasi Tambahan yang telah disemak akan berkuatkuasa serta-merta setelah diterbitkan di Laman ini.

Jika anda tidak bersetuju dengan Dasar Privasi Tambahan yang telah disemak, anda akan berhenti menggunakan Laman ini dan, jika anda telah menyerahkan borang Permohonan anda, anda mesti menamatkan perjanjian anda dengan kami dengan memaklumkan kepada kami tentang perkara ini dan memohon secara jelas untuk menarik balik Permohonan anda dengan menghantar e-mel kepada sabbatical@airbnb.com, dengan demikian anda tidak akan dimasukkan ke dalam Pemilihan.



Jika anda tidak menamatkan perjanjian anda dengan kami, Dasar Privasi Tambahan yang telah disepak akan terpakai kepada akses berterusan anda kepada atau penggunaan Laman dan penyertaan anda dalam Pemilihan.

6. DASAR KUKI

Kami menggunakan kuki dan teknologi yang serupa untuk membantu menyediakan, melindungi dan meningkatkan Laman. Untuk maklumat lanjut tentang penggunaan kuki dan teknologi yang serupa oleh kami, sila lihat [Dasar Kuki](#) Airbnb.
